



Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3/B(11 )

Tarikh : 17 November 2022

### PEKELILING BURSAR BIL. 4 TAHUN 2022

#### **SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (*SMARTPHONES*) DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

##### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan polisi yang meliputi peraturan dan syarat-syarat permohonan pembelian di bawah Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) bagi semua pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM). Pekeliling ini juga memperuntukkan tatacara kewangan dan perakaunan yang perlu dipatuhi oleh pihak yang bertanggungjawab memproses, meluluskan, mengurus dan menerima pembiayaan Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) ini.

##### **LATAR BELAKANG**

2. Polisi dan peraturan mengenai Skim Pinjaman Komputer (No. Polisi 8) telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 14 September 2002 melalui minit LPU 26/15 di dalam Buku Peraturan Kewangan dan Perakaunan (Seksyen XI).

3. Skim Pinjaman Komputer adalah kemudahan pembiayaan kepada pekerja dimana Universiti boleh memberi pinjaman komputer kepada pekerja yang layak

mengikuti kelayakan kadar dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.

4. Mesyuarat JPU ke 616 pada 4 Ogos 2017 [Minit 616.05(i)] telah bersetuju memperakukan pindaan perubahan Skim Pembiayaan Komputer iaitu tambahan pembelian Telefon Pintar (*Smartphones*) (pembelian baharu termasuk perkakas tambahan) dalam skim ini dan pembelian lebih daripada satu unit Telefon Pintar adalah tidak dibenarkan.

5. YB Menteri Kewangan menerusi Ucapan Bajet 2022 pada 29 Oktober 2021 telah mengumumkan penurunan kadar keuntungan setahun ke atas Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) daripada 4% kepada 2% dan UPM juga tidak terkecuali dari menerimapakai penurunan kadar tersebut.

#### **KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

6. Selaras dengan itu, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang bermesyuarat pada 4 Oktober 2022 melalui petikan minit 167/05 telah meluluskan cadangan Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) sebagai penambahbaikan kepada peraturan sedia ada di Universiti Putra Malaysia.

#### **TAFSIRAN**

7. Melainkan jika konteks dalam pekeliling ini menghendaki maksud yang lain, perkataan dan rangkai kata yang dinyatakan di bawah hendaklah mempunyai erti yang berikut:

7.1 "**Pekerja**" bererti pekerja Universiti yang dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan.

7.2 "**Komputer**" bererti suatu sistem elektronik yang dapat memanipulasi data dengan cepat dan tepat serta dirancang dan diorganisasikan secara automatik di dalam menerima, memproses dan menghasilkan output berdasarkan arahan-arahan yang sudah disimpan di dalam sistem memori;

- 7.3 “**Telefon Pintar**” bererti telefon bimbit yang mempunyai ciri pengkomputeran maju dan ketersambungan berbanding dengan telefon bimbit biasa. Telefon pintar membolehkan penggunanya memasang aplikasi canggih di dalamnya berasaskan pelantar telefon seperti Symbian, Android, iOS, Windows Phone atau yang seumpama dengannya. Ia juga menggunakan sistem pengendalian yang menyediakan satu pelantar untuk membina aplikasi;
- 7.4 “**Perisian**” bererti program-program yang membolehkan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) melakukan tugas-tugas tertentu seperti perisian sistem, perisian pengaturcaraan dan perisian penggunaan tetapi tidak termasuk perisian permainan;
- 7.5 “**Perkakasan**” bererti komponen jenis fizikal yang dihubungkan secara terus dengan komputer/telefon pintar (*smartphones*). Ia juga merupakan alat yang digunakan sebagai input, aktiviti pemprosesan dan output;
- 7.6 “**Keuntungan**” bererti satu kadar keuntungan yang akan ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa;
- 7.7 “**Meninggalkan Perkhidmatan**” bererti pekerja yang perkhidmatannya ditamatkan, meletak jawatan atau membuat pilihan menerima opsyen yang ditawarkan daripada agensi yang diperbadankan atau diswastakan; dan
- 7.8 “**Waris**” bererti waris terdekat:
- a. Isteri dan anak-anak bagi pekerja lelaki yang telah berkahwin; atau
  - b. Suami dan anak-anak bagi pekerja perempuan yang telah berkahwin; atau
  - c. Ibu bapa bagi pekerja bujang.

## **SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (*SMARTPHONES*)**

8. Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) adalah suatu kemudahan pembiayaan bagi membiayai pembelian komputer dan telefon pintar (*smartphones*) kepada pekerja mengikut kelayakan dan syarat-syarat sepertimana yang telah ditetapkan dari masa ke semasa.

### **SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN**

#### **9. Kelayakan**

9.1 Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) adalah layak kepada pekerja tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan.

9.2 Pekerja yang telah membuat pinjaman pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) ini juga layak membuat permohonan pembiayaan setiap tiga (3) tahun dengan syarat pinjaman yang terdahulu telah diselesaikan.

#### **10. Amaun Pembiayaan**

10.1 Amaun pembiayaan maksimum bagi satu (1) permohonan adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja (bagi salah satu atau kombinasi kedua-duanya).

10.2 Amaun pembiayaan yang dibenarkan juga adalah tertakluk kepada pengiraan jumlah potongan bulanan bagi bayaran balik tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok dan semua potongan gajinya hendaklah tidak melebihi 60% daripada jumlah gaji pokok dan elaun-elaun.

#### **11. Pembelian Komputer**

11.1 Pembelian komputer yang dibenarkan adalah pembelian komputer baharu termasuk perkakasan dan perisiannya.

11.2 Komputer bagi maksud pekeliling ini dikelaskan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- a) komputer desktop;
- b) komputer riba; dan
- c) komputer tablet.

11.3 Perkakasan bagi maksud pekeliling ini dikelaskan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- a) mesin pencetak;
- b) mesin pengimbas; dan
- c) peranti pelbagai fungsi (*multifunction device*).

11.4 Permohonan untuk membuat pembelian lebih daripada satu unit komputer adalah dibenarkan tetapi bukan dari kategori komputer yang sama.

11.5 Permohonan untuk pembelian komputer bersama lebih dari satu unit perkakasan adalah dibenarkan tetapi bukan dari kategori perkakasan yang sama.

11.6 Pembelian komputer di bawah pakej jalur lebar dibenarkan tetapi pembiayaan tidak termasuk bayaran langganan bulanan.

11.7 Urus niaga pembelian komputer hendaklah dilakukan di dalam Malaysia.

## 12. **Pembelian Telefon Pintar (*Smartphones*)**

12.1 Pembelian telefon pintar (*smartphones*) yang dibenarkan adalah pembelian telefon pintar (*smartphones*) baharu termasuk perkakasan tambahan.

12.2 Permohonan untuk membuat pembelian lebih daripada satu (1) unit telefon pintar adalah tidak dibenarkan sama sekali.

12.3 Pembelian telefon pintar (*smartphones*) di bawah pakej jalur lebar dibenarkan tetapi pembiayaan tidak termasuk bayaran langganan bulanan.

12.4 Urus niaga pembelian telefon pintar (*smartphones*) hendaklah dilakukan di dalam Malaysia.

### **PERMOHONAN PEMBIAYAAN**

13. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) bagi Pegawai UPM (SOK/KEW/BR019/BYR) yang boleh dicapai melalui Sistem Pengurusan ISO UPM (<http://reg.upm.edu.my/eISO/>). Borang Permohonan hendaklah disediakan dalam satu (1) salinan dan disertakan salinan dokumen berikut:

- (i) Slip gaji terbaru
- (ii) Sekutharga dan konfigurasi komputer

14. Permohonan hendaklah disertakan sebut harga dengan menyenaraikan butiran yang hendak dibeli. Sebut harga daripada pembekal yang berdaftar berdasarkan undang-undang di Malaysia sama ada diperoleh secara terus atau atas talian (online) adalah diterima.

### **TATACARA PEMBIAYAAN**

#### **15. Pengiraan Pembiayaan**

15.1 Pengiraan amaun pembiayaan hendaklah berdasarkan kepada jumlah kos bagi pembelian berdasarkan sebut harga yang menyenaraikan butiran dan perkakasan dikemukakan oleh pemohon pembiayaan. Pengiraan ini juga tertakluk kepada amaun pembiayaan maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja dan hendaklah dibundarkan kepada ratusan ringgit terdekat yang kurang.

**Contoh pengiraan:**

Sebut harga	: RM3,550.00
Amaun Pembiayaan	: RM3,500.00
Perbezaan	: RM50.00 dijelaskan sendiri oleh peminjam

- 15.2 Sekiranya harga belian tersebut adalah melebihi daripada amaun pembiayaan maksimum, pemohon hendaklah menjelaskan sendiri amaun bayaran baki.
- 15.3 Harga belian adalah meliputi nilai cukai yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan.
- 15.4 Pengiraan amaun pembiayaan hendaklah mengambil kira jumlah potongan bulanan bayaran balik pembiayaan. Potongan bulanan bayaran balik pembiayaan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok pemohon dan jumlah semua potongan gaji hendaklah tidak melebihi 60% daripada jumlah gaji pokok dan elaun-elaun.

**Contoh pengiraan:**

Gaji pokok	RM2,500.00
Elaun-elaun	<u>RM 640.00</u>
Jumlah	RM3,140.00

- i) Jumlah potongan RM1,500.00  
Perkiraan  $\frac{RM1,500.00}{RM3,140.00} \times 100 = 47\%$  (layak)
- ii) Jumlah potongan RM2,000.00  
Perkiraan  $\frac{RM2,000.00}{RM3,140.00} \times 100 = 63\%$  (tidak layak)

**16. Kuasa Meluluskan Permohonan Pembiayaan**

16.1 Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pembiayaan yang dinyatakan di dalam perenggan 9-12 di atas, kuasa untuk meluluskan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) telah diturunkan kepada Bursar.

16.2 Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pembiayaan yang dinyatakan di dalam perenggan di atas, kuasa untuk meluluskan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) bagi permohonan pembiayaan komputer daripada Bursar adalah Naib Canselor.

**17. Kelulusan Pembiayaan Kali Kedua dan Seterusnya**

17.1 Tertakluk kepada perenggan 16, permohonan kali kedua dan seterusnya hanya boleh diluluskan selepas tiga (3) tahun daripada tarikh kelulusan pembiayaan komputer serta telefon pintar (*smartphones*) dan amaun pembiayaan terdahulu telah diselesaikan sepenuhnya oleh pemohon.

**18. Penyediaan Dokumen-Dokumen Selepas Permohonan Pembiayaan Diluluskan**

18.1 Pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memproses Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) hendaklah memastikan agar dokumen-dokumen yang disenaraikan di bawah disediakan:

a) Surat Kelulusan Dan Tawaran Pembiayaan Komputer / Telefon Pintar (*Smartphones*) (DF046/BYR);

b) Memorandum Penerimaan/ Perjanjian Skim Pembiayaan Komputer/ Telefon Pintar (*Smartphones*) Bagi Pegawai Universiti Putra Malaysia (DF041/BYR);



- c) Maklumat bayaran pembiayaan komputer dinyatakan dalam Arahan Potongan Gaji Kemudahan Pinjaman (DF037/BYR); dan
  - d) Makluman Bayaran Pembiayaan Komputer/ Telefon Pintar (*Smartphones*) (DF057/BYR)
- 18.2 Pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memproses Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) hendaklah memastikan agar dokumen-dokumen yang disenaraikan di bawah diterima daripada pekerja yang menerima pembiayaan:
- a) Memorandum Penerimaan/ Perjanjian Skim Pembiayaan Komputer/ Telefon Pintar (*Smartphones*) Bagi Pegawai Universiti Putra Malaysia (DF041/BYR).
  - b) Memorandum Penerimaan/ Perjanjian Skim Pembiayaan Komputer/ Telefon Pintar (*Smartphones*) Bagi Pegawai Universiti Putra Malaysia (DF041/BYR) yang telah ditandatangani dan disempurnakan sebanyak satu (1) salinan dikemukakan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta disetem secukupnya berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan oleh LHDN.
- 18.3 Permohonan Pembiayaan Komputer Dan Telefon Pintar (*Smartphones*) Bagi Pegawai UPM (SOK/KEW/BR019/BYR) dan Memorandum Penerimaan / Perjanjian Skim Pembiayaan Komputer / Telefon Pintar (*Smartphones*) Bagi Pegawai Universiti Putra Malaysia (DF041/BYR) yang telah disempurnakan dalam satu (1) salinan hendaklah disimpan dalam fail peribadi dan direkod dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pekerja.
- 18.4 Satu (1) salinan perjanjian diberi kepada Pejabat Pendaftar dan maklumat dikemaskini dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pekerja (RKP).

19. Bayaran akan dibuat kepada pembekal yang dimaksudkan melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT) oleh Pejabat Bursar setelah surat perjanjian disetemkan.

## 20. **Pembayaran Balik Pembiayaan**

### 20.1 Kadar Bayaran Balik Pembiayaan

- a) Pembayaran balik pembiayaan termasuk kadar keuntungan setahun sebanyak 2% hendaklah dibayar oleh pekerja secara ansuran melalui potongan gaji pada tiap-tiap bulan sebagaimana yang dipersetujui di dalam Perjanjian. Kadar pembayaran balik pembiayaan tersebut hendaklah berdasarkan panduan perkiraan di Lampiran A.

### 20.2 Tempoh Pembayaran Balik Pembiayaan

- a) Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah tidak melebihi 48 bulan.
- b) Bayaran balik pembiayaan hendaklah diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh yang dipersetujui atau dalam kes tertentu dimana seseorang pekerja berada dalam kesempitan ('Asarah') seperti mengalami kebakaran atau banjir, Jawatankuasa Tetap Kewangan boleh atas budi bicaranya membenarkan mereka membayar balik pembiayaan itu dengan cara dan tempoh yang ditentukan.
- c) Baki harga jualan boleh diselesaikan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan di atas. Dalam hal yang demikian, Pejabat Bursar atas budi bicaranya boleh memberikan "Muqassah" (*Rebate*) mengikut kadar yang tetap ditetapkan dari masa ke semasa
- d) Baki harga jualan hendaklah diselesaikan sepenuhnya sebelum pekerja bersara wajib, bersara pilihan atau meninggalkan perkhidmatan atau tamat tempoh perkhidmatannya. Dengan yang

demikian tempoh maksimum pembiayaan hendaklah tidak melebihi baki tempoh perkhidmatan pekerja dengan Universiti.

(e) Baki harga jualan atau baki pinjaman pekerja yang meletak jawatan atau meninggalkan perkhidmatan atau bersara pilihan hendaklah diselesaikan secara sekaligus sebelum tarikh meninggalkan perkhidmatan.

(f) Bursar dan pegawai yang menguruskan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) adalah diberi kuasa untuk membuat potongan semua ansuran yang tertunggak daripada gaji pekerja berkenaan. Maksimum potongan yang dibuat untuk bayaran yang tertunggak adalah dua (2) bulan bayaran ansuran bulanan peminjam.

## **21. Pembayaran Balik Pembiayaan Apabila Berlaku Kematian dan Lain-lain**

21.1 Bagi peminjam yang meninggal dunia, UPM akan membuat potongan melalui ganjaran atau apa-apa bayaran yang diterima oleh peminjam mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa.

21.2 Bagi pekerja yang telah diluluskan cuti tanpa gaji/ cuti separuh gaji oleh Pendaftar, peminjam perlu membayar balik pembiayaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan walaupun peminjam telah diluluskan cuti tanpa gaji/ cuti separuh gaji.

## **TANGGUNGJAWAB PEKERJA YANG MENERIMA PEMBIAYAAN**

22. Pekerja yang menerima pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) serta masih berkhidmat dengan Universiti ini adalah bertanggungjawab membayar balik amaun pembiayaan secara ansuran bulanan yang dipersetujui melalui potongan bulanan daripada gaji pekerja tersebut.

23. Pekerja hendaklah menyerahkan kepada Pejabat Bursar, UPM resit dan invoice asal pembelian komputer/ telefon pintar (*smartphones*). Sekiranya pekerja gagal mengemukakan dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari dari tarikh bayaran diterima oleh pembekal, maka pembiayaan itu dianggap sebagai terbatal dan dengan itu pekerja dikehendaki menjelaskan sepenuhnya amaun pembiayaan UPM yang diluluskan secara sekaligus berserta amaun keuntungan. Jika gagal, Ketua Jabatan boleh mengambil tindakan untuk menahan gaji pekerja sehinggalah kesemua baki harga jualan itu dijelaskan.

24. Sekiranya terdapat keperluan menukar spesifikasi atau pembekal komputer yang berlainan daripada spesifikasi atau pembekal komputer yang telah dipohon, pekerja hendaklah memaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab menguruskan dan memproses Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) sebelum pembayaran dibuat kepada pembekal komputer.

25. Sekiranya harga belian komputer atau telefon pintar (*smartphones*) tersebut adalah melebihi daripada amaun pembiayaan maksimum, pekerja hendaklah menjelaskan sendiri amaun bayaran baki.

#### **TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL DAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**

26. Pegawai Pengawal dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab memastikan syarat-syarat, tatacara kewangan dan perakaunan yang dinyatakan di dalam pekeliling ini dan arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa mengenai Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*smartphones*) dipatuhi sepenuhnya.

#### **TATACARA PERAKAUNAN PEMBIAYAAN**

27. Tatacara perakaunan bagi menguruskan akaun pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) adalah seperti berikut:-

- 27.1 Pembiayaan yang dikeluarkan dalam sesuatu bulan dianggap sebagai diberi pada akhir bulan tersebut dan pembayaran balik pembiayaan hendaklah dimulai dengan potongan daripada gaji tidak lewat dari dua (2) bulan berikutnya. Sebagai contoh bagi EFT/cek pembiayaan yang dikeluarkan pada bulan Januari potongan hendaklah bermula daripada gaji bulan Mac. Potongan dari gaji dianggap sebagai dibuat dan dimasukkan ke dalam **Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer/ Telefon Pintar (*Smartphones*) Universiti** pada hujung bulan dalam mana potongan ini dibuat;
- 27.2 Semua pembiayaan akan di akaun ke dalam Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer / Telefon Pintar (*Smartphones*) Universiti.
- 27.3 Jumlah keuntungan hendaklah dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer/ Telefon Pintar (*smartphones*) Universiti yang berkenaan dan dipindahkan kepada akaun hasil pada 31 Disember.
- 27.4 Bursar dan pegawai yang menguruskan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) hendaklah memastikan agar pekerja menjelaskan bayaran balik pembiayaan bagi bayaran ansuran yang tertunggak sebelum potongan gaji dibuat atau mana-mana tempoh berlaku tiada potongan gaji dibuat.
- 27.5 Jika pekerja itu bertukar atau dipinjamkan ke Jabatan Persekutuan/ Negeri atau agensi luar, UPM hendaklah menyediakan sijil gaji akhir pekerja untuk diserahkan kepada Jabatan Persekutuan/ Negeri atau agensi luar dimana pekerja ditempatkan. Baki pembiayaannya yang belum selesai itu hendaklah dijelaskan oleh Jabatan Persekutuan/ Negeri atau agensi luar yang pekerja baru ditukarkan itu kepada UPM. Jabatan Persekutuan/ Negeri atau agensi luar di mana pekerja baru bertukar tersebut hendaklah memastikan Pekerja berkenaan menyelesaikan baki pembiayaan.

## 28. **Penyata Pembiayaan**

- 28.1 Penyata mengenai semua kes ansuran potongan bulanan pembiayaan komputer atau telefon pintar (*smartphones*) yang tertunggak melebihi tiga (3) bulan hendaklah dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Hasil, Pejabat Bursar setiap suku tahun.
- 28.2 Bursar dan pegawai yang menguruskan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) adalah bertanggungjawab memastikan potongan gaji dibuat untuk mengutip balik ansuran potongan bulanan pembiayaan komputer atau telefon pintar (*smartphones*).
- 28.3 Kaedah perakaunan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) UPM adalah berdasarkan arahan-arahan berasingan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia dari semasa ke semasa kepada semua Universiti Awam (UA).
- 28.4 Bursar dan pegawai yang menguruskan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) melalui kuasa yang diturunkan sepertimana dalam Statut Bursar adalah bertanggungjawab sepenuhnya mengambil tindakan yang perlu untuk mendapatkan bayaran balik menerusi potongan gaji pekerja atau mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan kepada perjanjian pembiayaan komputer atau telefon pintar (*smartphones*) yang berkenaan.
- 28.5 Pegawai yang menguruskan pembiayaan hendaklah menyediakan EFT/cek dan membayar terus kepada pembekal komputer/telefon pintar (*smartphones*) berpandukan sebutharga yang dilampirkan bersama permohonan pembiayaan.
- 28.6 Pegawai yang menguruskan pembiayaan hendaklah memastikan pekerja yang menerima pembiayaan menyerahkan dokumen berikut kepada pegawai yang meluluskan permohonannya dalam tempoh 30 hari selepas EFT/cek bagi amaun pembiayaan diterima.

- i) Resit asal
- ii) Invois asal

28.7. Sekiranya Pekerja itu gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari, maka pembiayaan tersebut dianggap sebagai terbatal. Tindakan hendaklah diambil untuk mendapatkan kembali kesemua jumlah pembiayaan yang telah diluluskan berserta amaun keuntungan secara sekali gus.

## 29. Pembatalan Pembiayaan

29.1 Jika pembiayaan komputer atau telefon pintar (*smartphones*) dibatalkan atas sebab-sebab selain daripada di perenggan 23 termasuk pembatalan pembiayaan di atas pilihan sendiri, Bursar dan pegawai yang menguruskan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) hendaklah mendapatkan bayaran kesemua baki pembiayaan yang telah diluluskan sepenuhnya.

## 30. Rekod Daftar

30.1 Rekod daftar pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) mengenai semua pembiayaan yang telah diluluskan hendaklah diselenggara oleh pihak yang menguruskan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*). Rekod daftar tersebut hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:-

- a) Nama;
- b) Nombor kad pengenalan;
- c) Tarikh pembiayaan diluluskan;
- d) Jumlah pembiayaan;
- e) Nombor dan tarikh baucar pembayaran pembiayaan dan cek;
- f) Nombor dan tarikh resit pembelian;
- g) Nombor dan tarikh invois pembelian;
- h) Tempoh bayaran balik;

- i) Tarikh ansuran pertama dan amaun bayaran balik pembiayaan dimulakan;
- j) Tarikh ansuran akhir dan amaun bayaran balik pembiayaan; dan
- k) Tempoh penangguhan bayaran (jika ada).

30.2. Resit pembelian dan inuis hendaklah disimpan dalam fail peribadi pekerja yang menerima pembiayaan.

30.3 Pembiayaan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pekerja.

### **TINDAKAN SURCAJ ATAU TATATERTIB**

31. Tindakan surcaj atau tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas Pekerja yang menerima pembiayaan sekiranya pegawai tersebut menyebabkan pelanggaran kepada mana-mana syarat, tatacara kewangan dan tatacara perakaunan .pekelling ini.

32. Pihak yang bertanggungjawab memproses, meluluskan dan menguruskan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) juga boleh dikenakan surcaj atau tindakan tatatertib jika gagal mematuhi syarat, tatacara kewangan dan tatacara perakaunan dan arahan-arahan dalam pekelling ini.

### **PERATURAN-PERATURAN AM**

33. Universiti berhak membuat atau mengenakan apa-apa syarat tambahan atau memberi kelonggaran/ pengecualian kepada syarat-syarat pembiayaan bagi Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.



## **PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA PEKELILING**


34. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berkenaan Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Kewangan Kemudahan Pekerja, Pejabat Bursar di talian **03-97696610**.

Sekian, terima kasih.

## **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**

**“BERILMU BERBAKTI”**

Saya yang menjalankan amanah,



**IZARIAHWATI BINTI MOHD ISA**  
**Bursar**  
**Universiti Putra Malaysia**

### **Edaran:**

Semua Ketua PTJ  
Universiti Putra Malaysia  
**SERDANG/BINTULU/PORT DICKSON**



LAMPIRAN A

JADUAL BAYARAN ANSURAN BULANAN MENGIKUT JUMLAH PINJAMAN DAN TEMPOH BAYARAN BALIK

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM100			RM200			RM300			RM400			RM500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	100.59	0.59	16.76	201.17	1.17	33.53	301.75	1.75	50.29	402.34	2.34	67.06	502.93	2.93	83.82
12 BULAN	101.09	1.09	8.42	202.18	2.18	16.85	303.25	3.26	25.27	404.35	4.35	33.70	505.44	5.44	42.12
18 BULAN	101.60	1.60	5.64	203.18	3.18	11.29	304.78	4.78	16.93	406.36	6.36	22.58	507.95	7.95	28.22
24 BULAN	102.11	2.11	4.25	204.18	4.18	8.51	306.29	6.29	12.76	408.38	8.38	17.02	510.50	10.50	21.27
30 BULAN	102.61	2.61	3.42	205.21	5.21	6.84	307.82	7.82	10.26	410.42	10.42	13.68	513.03	13.03	17.10
36 BULAN	103.12	3.12	2.86	206.24	6.24	5.73	309.35	9.35	8.59	412.46	12.46	11.46	515.58	15.58	14.32
42 BULAN	103.61	3.61	2.47	207.25	7.25	4.93	310.87	10.87	7.40	414.52	14.52	9.87	518.03	18.03	12.34
48 BULAN	104.15	4.15	2.17	208.28	8.28	4.34	312.43	12.43	6.51	416.54	16.54	8.68	520.69	20.69	10.85

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM600			RM700			RM800			RM900			RM1,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	603.50	3.50	100.58	704.09	4.09	117.35	804.67	4.67	134.11	905.25	5.25	150.88	1,005.85	5.58	167.64
12 BULAN	606.52	6.52	50.54	707.61	7.61	58.97	808.68	8.68	67.39	909.78	9.78	75.81	1,010.87	10.87	84.24
18 BULAN	609.55	9.55	33.86	711.14	11.14	39.51	812.73	12.73	45.15	914.31	14.31	50.80	1,015.90	15.90	56.44
24 BULAN	612.60	12.60	25.52	714.69	14.69	29.78	816.75	16.75	34.03	918.85	18.86	38.29	1,020.94	20.94	42.54
30 BULAN	615.63	15.63	20.52	718.24	18.24	23.94	820.82	20.82	27.36	923.46	23.46	32.79	1,026.04	26.04	34.20
36 BULAN	618.69	18.69	17.19	721.80	21.80	20.05	824.91	24.91	22.91	928.03	28.03	25.78	1,031.14	31.14	28.64
42 BULAN	621.73	21.73	14.80	725.37	25.37	17.27	828.98	28.98	19.74	932.63	32.63	22.21	1,036.27	36.27	24.67
48 BULAN	624.82	24.82	13.02	728.97	28.97	15.19	833.09	33.09	17.36	937.22	37.22	19.53	1,041.37	41.37	21.70

\*bayaran ansuran bulanan dan jumlah keuntungan adalah berdasarkan kadar keuntungan setahun sebanyak 2%.

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM1,100			RM1,200			RM1,300			RM1,400			RM1,500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	1,106.42	6.42	184.40	1,207.01	7.01	201.17	1,307.60	7.60	217.93	1,408.18	8.18	234.70	1,508.77	8.77	251.46
12 BULAN	1,111.95	11.95	92.66	1,213.03	13.03	101.09	1,314.14	14.14	109.51	1,415.21	15.21	117.93	1,516.30	16.30	126.36
18 BULAN	1,117.49	17.49	62.08	1,219.09	19.09	67.73	1,320.66	20.68	73.37	1,422.27	22.27	79.02	1,523.85	23.85	84.66
24 BULAN	1,123.07	23.07	46.79	1,225.15	25.15	51.05	1,327.22	27.22	55.30	1,429.36	29.36	59.36	1,531.44	31.44	63.81
30 BULAN	1,128.61	28.61	37.62	1,231.25	31.25	41.04	1,333.85	33.85	44.46	1,436.48	36.48	47.88	1,539.09	39.09	51.30
36 BULAN	1,132.39	32.39	31.51	1,237.37	37.37	34.37	1,340.49	40.49	37.24	1,443.57	43.57	40.10	1,546.72	46.72	42.96
42 BULAN	1,139.88	39.88	27.14	1,243.49	43.49	29.61	1,347.14	47.14	32.07	1,450.73	50.73	34.54	1,554.33	54.33	37.01
48 BULAN	1,145.53	45.53	23.86	1,249.65	49.65	26.03	1,353.79	53.79	28.20	1,457.91	57.91	30.37	1,562.06	62.06	32.54

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM1,600			RM1,700			RM1,800			RM1,900			RM2,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	1,609.35	9.35	268.22	1,709.92	9.92	284.99	1,810.50	10.50	301.75	1,911.10	11.10	318.52	2,011.68	11.68	335.28
12 BULAN	1,617.39	17.39	134.76	1,718.48	18.48	143.21	1,819.57	19.57	151.63	1,920.65	20.65	160.05	2,021.73	21.73	168.48
18 BULAN	1,625.46	25.46	90.30	1,727.04	27.04	95.95	1,828.64	28.64	101.59	1,930.24	30.24	107.23	2,031.81	31.81	112.88
24 BULAN	1,633.56	33.56	68.05	1,735.65	35.65	72.32	1,837.72	37.72	76.57	1,939.85	39.85	80.83	2,041.93	41.93	85.08
30 BULAN	1,641.63	41.63	54.72	1,744.26	44.26	58.14	1,846.88	46.88	61.56	1,949.48	49.48	64.98	2,052.09	52.09	68.40
36 BULAN	1,649.81	49.81	45.83	1,752.89	52.89	48.69	1,856.05	56.05	51.56	1,959.16	59.16	54.42	2,062.24	62.24	57.29
42 BULAN	1,658.01	58.01	39.48	1,761.61	61.61	41.94	1,865.17	65.17	44.41	1,968.86	68.86	46.88	2,072.51	72.51	49.34
48 BULAN	1,666.21	66.21	34.71	1,770.35	70.35	36.88	1,874.46	74.46	39.05	1,978.59	78.59	41.22	2,082.73	82.73	43.39

\*bayaran ansuran bulanan dan jumlah keuntungan adalah berdasarkan kadar keuntungan setahun sebanyak 2%

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM2,100			RM2,200			RM2,300			RM2,400			RM2,500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	2,112.27	12.27	352.04	2,212.86	12.86	368.81	2,313.43	13.43	385.57	2,414.02	14.02	402.34	2,514.61	14.61	419.10
12 BULAN	2,122.81	22.81	176.90	2,223.91	23.91	185.33	2,325.00	25.00	193.75	2,426.09	26.09	202.17	2,527.17	27.17	210.60
18 BULAN	2,133.41	33.41	118.52	2,234.99	34.99	124.17	2,336.58	36.58	129.81	2,438.19	38.19	135.45	2,539.77	39.77	141.10
24 BULAN	2,144.04	44.04	89.33	2,246.14	46.14	93.59	2,348.23	48.23	97.84	2,450.31	50.31	102.10	2,552.42	52.42	106.35
30 BULAN	2,154.69	54.69	71.82	2,257.32	57.32	75.24	2,359.88	59.88	78.66	2,462.52	62.52	82.08	2,565.11	65.11	85.50
36 BULAN	2,165.39	65.39	60.15	2,268.50	68.50	63.01	2,371.62	71.62	65.88	2,474.70	74.70	68.74	2,577.85	77.85	71.61
42 BULAN	2,176.12	76.12	51.81	2,279.75	79.75	54.28	2,383.34	83.34	56.75	2,487.00	87.00	59.21	2,590.61	90.61	61.68
48 BULAN	2,186.88	86.88	45.56	2,291.01	91.01	47.73	2,395.10	95.10	49.90	2,499.29	99.29	52.07	2,603.42	103.42	54.24

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM2,600			RM2,700			RM2,800			RM2,900			RM3,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	2,615.18	15.18	435.86	2,715.76	15.76	452.63	2,816.36	16.36	469.39	2,916.94	16.94	486.16	3,017.53	17.53	502.92
12 BULAN	2,628.26	28.26	219.02	2,729.35	29.35	227.44	2,830.43	30.43	235.87	2,931.50	31.50	244.29	3,032.60	32.60	252.72
18 BULAN	2,641.34	41.34	146.74	2,742.95	42.95	152.39	2,844.55	44.55	158.03	2,946.14	46.14	163.67	3,047.71	47.71	169.32
24 BULAN	2,654.52	54.52	110.60	2,756.60	56.60	114.86	2,858.70	58.70	119.11	2,960.79	60.79	123.37	3,062.92	62.92	127.62
30 BULAN	2,667.70	67.70	89.92	2,770.33	70.33	92.34	2,872.91	72.91	95.76	2,975.54	75.54	99.18	3,078.12	78.12	102.60
36 BULAN	2,680.95	80.95	74.47	2,784.07	84.07	77.33	2,887.20	87.20	80.20	2,990.27	90.27	83.06	3,093.40	93.40	85.93
42 BULAN	2,694.19	94.19	64.15	2,797.83	97.83	66.62	2,901.50	101.50	69.08	3,005.11	105.11	71.55	3,108.72	108.72	74.02
48 BULAN	2,707.55	107.55	56.41	2,811.66	111.66	58.58	2,915.78	115.78	60.75	3,019.96	119.96	62.92	3,124.09	124.09	65.09

\*bayaran ansuran bulanan dan jumlah keuntungan adalah berdasarkan kadar keuntungan setahun sebanyak 2%

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Baik	RM3,100			RM3,200			RM3,300			RM3,400			RM3,500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	3,118.11	18.11	519.69	3,218.68	18.68	536.45	3,319.28	19.28	553.21	3,419.87	19.87	569.98	3,520.45	20.45	586.74
12 BULAN	3,133.69	33.69	261.14	3,234.77	34.77	269.56	3,335.87	35.87	277.99	3,436.95	35.95	286.41	3,538.03	38.03	294.84
18 BULAN	3,149.32	49.32	174.96	3,250.91	50.91	180.61	3,352.49	52.49	186.25	3,454.09	54.09	191.89	3,555.66	55.66	197.54
24 BULAN	3,165.00	65.00	131.87	3,267.11	67.11	136.13	3,369.21	69.21	140.38	3,471.29	71.29	144.64	3,573.39	73.39	148.89
30 BULAN	3,180.70	80.70	106.02	3,283.36	83.36	109.44	3,385.93	85.93	112.86	3,488.55	88.55	116.28	3,591.12	91.12	119.70
36 BULAN	3,196.55	96.55	88.79	3,299.60	99.60	91.66	3,402.76	102.76	94.52	3,505.88	105.88	97.38	3,609.00	109.00	100.25
42 BULAN	3,212.36	112.36	76.48	3,315.95	115.95	78.95	3,419.62	119.62	81.42	3,523.23	123.23	83.89	3,626.84	126.84	86.35
48 BULAN	3,228.24	128.24	67.25	3,332.37	132.37	69.42	3,436.55	136.55	71.59	3,540.67	140.67	73.76	3,644.80	144.80	75.93

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Baik	RM3,600			RM3,700			RM3,800			RM3,900			RM4,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	3,621.03	21.03	603.50	3,721.61	21.61	620.27	3,822.19	22.19	637.03	3,922.78	22.78	653.80	4,023.37	23.37	670.56
12 BULAN	3,639.09	39.09	303.26	3,740.21	40.21	311.68	3,841.29	41.29	320.11	3,942.39	42.39	328.53	4,043.47	43.47	336.96
18 BULAN	3,657.26	57.26	203.18	3,758.56	58.56	208.83	3,860.44	60.44	214.47	3,962.04	62.04	220.11	4,063.64	63.64	225.76
24 BULAN	3,675.48	75.48	153.14	3,777.55	77.55	157.40	3,879.67	79.67	161.65	3,981.76	81.76	165.91	4,083.85	83.85	170.16
30 BULAN	3,693.76	93.76	123.12	3,796.37	96.37	126.55	3,898.97	98.97	129.97	4,001.56	101.56	133.39	4,104.15	104.15	136.81
36 BULAN	3,712.00	112.00	103.11	3,815.18	115.18	105.98	3,918.30	118.30	108.84	4,021.42	121.42	111.71	4,124.54	124.54	114.57
42 BULAN	3,730.51	130.51	88.82	3,834.09	134.09	91.29	3,937.70	137.70	93.76	4,041.36	141.36	96.22	4,144.94	144.94	98.69
48 BULAN	3,748.92	148.92	78.10	3,853.07	153.07	80.27	3,957.21	157.21	82.44	4,061.32	161.32	84.61	4,165.47	165.47	86.78

\*bayaran ansuran bulanan dan jumlah keuntungan adalah berdasarkan kadar keuntungan setahun sebanyak 2%

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM4,100			RM4,200			RM4,300			RM4,400			RM4,500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	4,123.95	23.95	887.32	4,124.53	24.53	704.09	4,325.13	25.13	720.85	4,425.71	25.71	737.62	4,526.30	26.30	754.38
12 BULAN	4,144.53	44.53	345.38	4,245.63	45.63	353.80	4,346.71	46.71	362.23	4,447.82	47.82	370.65	4,548.90	48.90	379.07
18 BULAN	4,165.22	65.22	231.40	4,266.82	66.82	237.05	4,368.40	68.40	242.69	4,470.00	70.00	248.33	4,571.58	71.58	253.98
24 BULAN	4,185.95	85.95	174.42	4,288.06	88.06	178.67	4,390.16	90.16	182.92	4,492.22	92.22	187.18	4,594.33	94.33	191.43
30 BULAN	4,206.76	106.76	140.23	4,309.39	109.39	143.65	4,411.98	111.98	147.07	4,514.59	114.59	150.49	4,617.20	117.20	153.91
36 BULAN	4,227.66	127.66	117.43	4,330.75	130.75	120.30	4,433.90	133.90	123.16	4,536.98	136.98	126.03	4,640.12	140.12	128.89
42 BULANs	4,248.60	148.60	101.16	4,352.21	152.21	103.62	4,455.85	155.85	106.09	4,559.47	159.47	108.56	4,663.09	163.09	111.03
48 BULAN	4,269.59	169.59	88.95	4,373.74	173.74	91.12	4,477.88	177.88	93.29	4,581.96	181.96	95.46	4,686.13	186.13	97.63

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM4,600			RM4,700			RM4,800			RM4,900			RM5,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	4,626.86	26.86	771.15	4,727.45	27.45	787.91	4,828.04	28.04	804.67	4,928.62	28.62	821.44	5,029.20	29.20	838.20
12 BULAN	4,649.97	49.97	387.50	4,751.08	51.08	395.92	4,852.14	52.14	404.35	4,953.24	53.24	412.77	5,054.34	54.34	421.19
18 BULAN	4,673.17	73.17	259.62	4,774.74	74.74	265.26	4,876.35	76.35	270.91	4,977.95	77.95	276.55	5,079.53	79.53	282.20
24 BULAN	4,696.44	96.44	195.69	4,798.54	98.54	199.94	4,900.66	100.66	204.19	5,002.72	102.72	208.45	5,104.81	104.81	212.70
30 BULAN	4,719.79	119.79	157.33	4,822.39	122.39	160.75	4,925.00	125.00	164.17	5,027.62	127.62	167.59	5,130.19	130.19	171.01
36 BULAN	4,743.21	143.21	131.76	4,846.30	146.30	134.62	4,949.44	149.44	137.48	5,052.56	152.56	140.35	5,155.67	155.67	143.21
42 BULAN	4,766.72	166.72	113.49	4,870.30	170.30	115.96	4,973.99	173.99	118.43	5,077.54	177.54	120.89	5,181.19	181.19	123.36
48 BULAN	4,790.30	190.30	98.80	4,894.41	194.41	101.97	4,998.57	198.57	104.14	5,102.67	202.67	106.31	5,206.83	206.83	108.48

\*bayaran ansuran bulanan dan jumlah keuntungan adalah berdasarkan kadar keuntungan setahun sebanyak 2%

